

07 OCT 1996

CALON MT TINGGAL 55, PERWAKILAN 1,868

KUALA LUMPUR, 7 Okt (Bernama) -- Bilangan calon bagi 25 kerusi Majlis Tertinggi (MT) Umno kini tinggal 55 orang selepas enam daripada 61 yang layak bertanding digugurkan hari ini kerana terbukti terlibat sama ada dengan politik wang, salah guna kuasa atau melanggar larangan berkempen.

Bagi 15 kerusi Exco Pergerakan Pemuda Umno, pengguguran Ayob Mat Aris dari Selangor menjadikan jumlah calon kini 61 orang.

Selain itu, pengguguran 16 anggota Umno daripada senarai anggota perwakilan ke Perhimpunan Agung parti itu dari 9 hingga 12 Okt ini pula menjadikan bilangannya setakat ini 1,868 orang daripada 1,884 yang diumumkan sebelum ini.

Terdapat kemungkinan bilangan calon yang bertanding dan perwakilan yang sah berkurangan kerana menurut Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Anwar Ibrahim, senarai-senarai itu masih belum muktamad.

"Kita masih menerima laporan dan meneruskan siasatan sehingga saat-saat terakhir. Kalau perlu Jawatankuasa Khas Umno yang dipengerusikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan bermesyuarat lagi esok," katanya pada persidangan berita di sini hari ini.

Sebelum ini, 13 wakil ke Perhimpunan Agung hilang kelayakan kerana mufliis manakala dua hilang kelayakan ke persidangan tahunan Pergerakan Pemuda yang akan berlangsung serentak dengan Pergerakan Wanita Rabu ini, juga kerana sebab yang sama.

Seorang calon Ketua Pemuda pula digugurkan kerana beliau seorang pegawai kerajaan dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional. -- BERNAMA

AH HS MAI